



KENYATAAN AKHBAR

**YB DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**ADUAN PENCEMARAN SUNGAI TELANG, KAMPUNG BELETIK
DAERAH LIPIS, PAHANG**

25 DISEMBER 2017

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap keperluan dan denyut nadi rakyat dalam mengurus pembangunan Negara demi mengekalkan sumber asli dan alam sekitar secara lestari.

Sehubungan dengan itu, saya telah mengambil perhatian serius terhadap beberapa aduan yang diterima melalui aplikasi *whatsapp* daripada penduduk Kampung Beletik, di daerah Lipis, Pahang berkaitan pencemaran di Sungai Telang akibat aktiviti perlombongan. Isu pencemaran yang sama juga telah disiarkan melalui suratkhabar Harakah bertarikh 22 Disember 2017 dalam laporan bertajuk "*Penduduk Terjejas Sungai Bertukar Warna*".

Susulan maklumat tersebut, saya telah mengarahkan pihak Kementerian menjalankan siasatan. Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang Cawangan Cameron Highlands telah menjalankan siasatan terhadap aduan awam berkaitan pencemaran Sungai Telang, Kampung Beletik, Lipis, Pahang pada 12 Disember 2017 dan 19 Disember 2017 yang lalu.

Siasatan oleh JAS di lokasi aduan mendapati air Sungai Telang kelihatan tercemar dan warna air telah bertukar seakan-akan air lumpur. Sampel air

sungai telah diambil di kawasan ini bagi tujuan analisa oleh Jabatan Kimia. Siasatan lanjut di beberapa lokasi di kawasan hulu Kampung Beletik telah menemui beberapa aktiviti perlombongan sedang berjalan di kawasan Hutan Simpan Tersang dan sampel-sampel air sungai telah diambil di lokasi tersebut. JAS sedang dalam proses mengesahkan sama ada lombong itu beroperasi secara sah atau tidak.


Saya memandang serius terhadap pencemaran sungai ini kerana Sungai Telang merupakan sumber utama yang digunakan penduduk kampung untuk kegunaan harian seperti air minuman, mencuci pakaian serta menangkap ikan.

Oleh demikian, saya telah mengarahkan JAS untuk menggunakan apa juga kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk mengekang pencemaran ini. Buat masa ini arahan **pemberhentian kerja serta merta (*immediate stop work order*)** akan dikeluarkan terhadap operator-operator terbabit bagi membendung pencemaran yang berlaku dan arahan untuk melaksanakan langkah-langkah pemulihan kawasan yang menjadi punca pencemaran sungai juga akan dikeluarkan. Keengganan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan setiap operator dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

JAS Cawangan Cameron Highlands juga telah memanjangkan aduan tersebut kepada Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang (JMG), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG), Pejabat Tanah dan Daerah Lipis dan Pejabat Hutan Daerah Raub untuk tindakan selanjutnya di bawah bidang kuasa agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

GAMBAR LOKASI ADUAN PENCEMARAN DI KG BELETIK SUNGAI TELANG LIPIS, PAHANG



GAMBAR: 1



GAMBAR: 2



GAMBAR: 3



GAMBAR : 4



GAMBAR : 5